

CIDB News

Newsletter of the Construction Industry Development Board Malaysia

ISSUE 2 / 2008

YOUR PERSONAL COPY

ISSN 1985-1887



ICW2008: Strengthening Construction Capabilities for Global Competitiveness

ICW
2008

International
Construction
Week 2008

Venue : Kuala Lumpur Convention Centre
Date : 25 - 29 August 2008



CIDB
MALAYSIA



- Kenaikan harga bahan binaan
- Prosedur mengimport besi bulat (steel bars)

CONTENTS

Editor's Note

- **3** ICW2008: Strengthening global competitiveness
- **3** ICW2008: Memperkasa daya saing global

Berita / News

- **4** "Classic Score"
- **4** Kursus pengurusan fasiliti
- **5** Bilateral meeting for WTO services in Geneva
- **5** International conference on Modern Legal Drafting
- **6** Program latihan pengurusan untuk kontraktor

Artikel / Article

- **7** Prosedur mengimport besi bulat (steel bars)
- **8** Pelancaran Kod Etika Kontraktor
- **9** Way forward for the construction industry
- **10** Kenaikan harga bahan binaan
- **12** CIDB membantu syarikat pembinaan Malaysia

EDITORIAL BOARD

Advisor

Datuk Ir. Hamzah Hasan
Chief Executive of CIDB

CIDB Publication Committee

Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani
Sariah Abdul Karib
Abdul Latif Hitam
Ir. Elias Ismail
Wan Kadir Wan Draman

Chief Editor

Sazali Che Amat

Secretariat

Development and Corporate
Communication Division

Published by

CIDB Malaysia
www.cidb.gov.my

Designed by

Ideamas Editorial Services

Correspondence

We welcome feedback, comments,
articles and enquiries from readers.
Please forward them to :

The Editor CIDB News

CEO Office

CIDB Malaysia

Tel : 03 - 2617 0200

Fax : 03 - 4044 5808

Email : sazali@cidb.gov.my
corporate@cidb.gov.my

IBU PEJABAT CIDB
Lembaga Pembangunan Industri
Pembinaan Malaysia
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2617 0200
Fax: 03-2617 0220

PEJABAT CIDB NEGERI

CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
Tkt. 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-40453800
Fax: 03-40453858

CIDB KEDAH

Lot 1-4, Tingkat 11,
City Plaza,
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-733 1243
Fax: 04-733 1175

CIDB PULAU PINANG
Lot 9.01, Tingkat 9, Bangunan KWSP,
No. 3009 Off Lebuhraya Tengah,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 390 2448
Fax: 04 - 390 7448

CIDB PERAK

Lot 5.02, Tingkat 5, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak.
Tel: 05 - 242 3488
Fax: 05 - 255 5488

CIDB MELAKA

No. 24-2 & 26-2, Tingkat 2
Bangunan Kota Cemerlang
Lebuhraya Ayer Keroh
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06 - 232 8895
Fax: 06 - 232 8950

CIDB JOHOR

Lot 2067, Batu 3, Jalan Tampoi,
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-234 4808
Fax: 07-234 4807

CIDB TERENGGANU
Tingkat 7, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-624 5311
Fax: 09-623 8973

CIDB KELANTAN

No. U7.2, Tingkat 7,
Menara Perbadanan,
Jalan Tengku Petra Semarak,
15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09 - 744 4311
Fax: 09 - 743 4311

CIDB PAHANG

B246 & 248,
Wisma Kontraktor Melayu Pahang
Jalan Dato' Lim Hoe Lek,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel: 09 - 517 8734
Fax: 09 - 517 8751

CIDB SABAH

Lot EG. 11, Tingkat Bawah,
Blok E, Bangunan KWSP,
88100 Kota Kinabalu,
Sabah.
Tel: 088 - 235 060
Fax: 088 - 242 481

CIDB SABAH (CAWANGAN TAWAU)

TB 306, Tingkat 2, Blok 35,
Kompleks Perdagangan Fajar,
Jalan Hj. Karim,
91009 Tawau, Sabah.
Tel: 089 - 777 842
Fax: 089 - 777 840

CIDB SARAWAK

Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 - 445 833
Fax: 082 - 447 833

CIDB SARAWAK (CAWANGAN MIRI)

Tingkat 1, Wisma Rela Aman,
Lot 1301, Blok 9
MCLD Miri Water Front,
98000 Miri, Sarawak.
Tel: 085 - 417 431
Fax: 085 - 417 432

Editor's Note

Issue 2
2008



ICW2008: Strengthening global competitiveness

For the 10th year, the International Construction Week (ICW 2008) will be held from 25 - 29 August as a main event promoting the industry at all levels. The event featuring the nation's construction success stories, business and partnership opportunities would allow industry players to network up to global level.

The event allows players to enhance competitiveness at domestic and global levels. Opportunities are available through seminars, special meetings, expos and buying mission programs and conferences.

This is a very significant event as the construction sector growth further creates unlimited activities and opportunities unbounded by borders. Thus knowledge, networking and cooperation should be enhanced to strengthen the nation's construction industry up to global level.

Yes this won't be easy. It needs huge effort especially in increasing knowledge and creating excellent construction engineering. The world will only recognise and accept our products if the nation's construction capabilities matched those globally.

Look at the Great Wall of China, the Empire States building, the San Francisco bridge and the Channel or underground tunnel connecting France and Britain. Such technological marvels are admired throughout the world not because the country which build it is considered developed but because the construction itself were outstanding.

The whole world admire such outstanding achievements not just because of the size of the projects but the engineering and knowledge involved and acquired to make it happen. This include

creative alternative approaches.

The result creates world-class multinational conglomerates winning project tenders around the world. The challenges successfully met and the knowledge acquired by the players involved gave them the competitive edge and make them much in demand.

We should also achieve such status. The world is fast losing boundaries because of advances in technology and the information industry and this should open up more opportunities for our players to explore opportunities outside.

Yes, Malaysian construction industry players have made inroads into international markets like the Middle East, Africa, India and Asean but efforts must be increased to bring us up on the global pedestal. Thus the ICW 2008 an event which could help meet this target.

ICW2008: Memperkasa daya saing global

Lagi sekali, untuk tahun ke-10, Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2008) diadakan dari 25 - 29 Ogos ini sebagai satu acara besar mempromosi dan mengangkat keupayaan industri pada tahap domestik dan antarabangsa.

Acara yang memaparkan kejayaan industri pembinaan negara, peluang perniagaan dan perkongsian ini akan membolehkan pemain industri berinteraksi dan mewujudkan rangkaian sehingga ke peringkat global.

Ia akan menjadi acara yang akan menggalakkan pemain industri pembinaan meneroka peluang bagi meningkatkan daya saing pada peringkat pasaran domestik dan global.

Semua peluang ini dapat diraih menerusi pelbagai program yang disusun sempena ICW2008, termasuk seminar, pertemuan khas (conclave), ekspo, program misi pembelian dan persidangan.

Acara seumpama ini patut dilihat mempunyai signifikasinya tersendiri memandangkan sektor pembinaan semakin berkembang yang memungkinkan aktiviti tidak terbatas pada sempadan domestik semata-mata,

malah perlu menerobos melangkaui garis antara negara dan benua.

Dengan kata mudah, pengetahuan, jaringan (networking) dan permuafakatan harus ditingkatkan demi memperkasakan lagi daya saing industri pembinaan negara pada peringkat global.

Memang meneroka dan membina daya saing industri pembinaan negara pada peringkat global bukan kerja mudah. Ia perlu diraih menerusi pelbagai usaha, terutama peningkatan modal pengetahuan (knowledge capital) dan penciptaan kecemerlangan kejuruteraan pembinaan.

Dunia hanya akan mengiktiraf dan menerima baik pengeksportan perkhidmatan pembinaan negara jika tahap kejuruteraan pembinaan negara ini boleh bersaing dengan pemain di peringkat global.

Ambil contoh daripada sejarah pembinaan. Antaranya ialah Tembok Besar China, Bangunan Empire State, Jabatan San Francisco dan the Channel (terowong yang menghubungkan Perancis dengan Britain). Hasil kegemilangan industri pembinaan itu dikagumi dunia bukan kerana saiz

projek, tetapi cabaran kejuruteraan yang terpaksa mereka tempuhi serta pengetahuan yang diraih daripada aktiviti pembinaan tersebut.

Pelbagai pendekatan alternatif dalam pembangunan pengetahuan sepanjang pembinaan itu akhirnya mencabar minda setiap jurubina untuk menghasilkan kejuruteraan pembinaan yang hebat.

Dengan cabaran kejuruteraan yang terpaksa mereka tempuhi serta pengetahuan yang diraih daripada aktiviti pembinaan itulah akhirnya membolehkan konglomerat multinasional memiliki daya saing, sekali gus memenangi pelbagai tender projek di serata dunia.


Dan ini jugalah yang sepatutnya diraih pemain industri pembinaan negara.

Memang pemain industri pembinaan Malaysia sudah berjaya menerobos beberapa pasaran seperti Timur Tengah, Afrika, India dan Asean. Namun usaha mesti digiatkan untuk memperkasakan lagi daya saing di peringkat global.

Dan sudah tentu ICW2008 menjadi acara yang patut dimanfaatkan semaksimum mungkin jika matlamat ini mahu dicapai.



“QLASSIC Score”



As of 8th August 2008, 54 projects (73.97% of projects) achieve QLASSIC Score within the range of 56% to 75%. The total number of projects that has been assessed using QLASSIC is 73. Detail statistics is shown in the Chart below.

The average QLASSIC score of the 73 projects are 62%. A total of 45 projects (61.64%) are equal to and above the average QLASSIC score. According to the Construction Industry Master Plan (CIMP) 2006-2015, by 2015 the target is that 80% of all projects are above the average score.

Table 1 shows the list of top QLASSIC Score of private projects for category landed housing & stratified housing respectively.

Peserta didedahkan dengan pelbagai pengetahuan merangkumi konsep, strategi dan operasi pengurusan fasiliti serta pengurusan kontrak perkhidmatan.



Para peserta kursus beserta tenaga pengajar dan pegawai CIDB.

Kursus pengurusan fasiliti

Bahagian Pembangunan Kontraktor, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menganjurkan kursus pengurusan fasiliti, penyenggaraan bangunan dan persekitaran kompleks mulai 21 Julai hingga 25 Julai 2008.

Kursus dihadiri 13 peserta dari lapan syarikat kontraktor itu adalah dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR).

Antara objektif utama kursus itu ialah memberi kefahaman kepada

kontraktor berhubung strategi dan operasi pengurusan fasiliti serta kegunaannya ke atas pelbagai jenis kerja penyenggaraan.

Sepanjang lima hari itu, peserta didedahkan dengan pelbagai pengetahuan merangkumi konsep, strategi dan operasi pengurusan fasiliti serta pengurusan kontrak perkhidmatan.

Peserta turut berpeluang bertukar pengalaman yang amat berguna bagi menambah baik pelaksanaan projek. Pengisian lain kursus itu ialah ceramah,

bengkel, soaljawab dan interaksi tidak formal dengan tenaga pengajar. Penilaian juga diadakan bagi membolehkan pengajar mengukur tahap kefahaman peserta.

Pada akhir kursus, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Kontraktor CIDB, Puan Ida Zuraida Mohd Yusoff menyampaikan sijil kehadiran. Kontraktor terbabit juga akan berdaftar di bawah pengkhususan bidang berkenaan di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Bilateral meeting for WTO services in Geneva

Prepared by
Zainora Zainal, Business Promotion Division, CIDB Malaysia

A series of 9 bilateral meetings on Services under WTO was held between Malaysia and the countries of Switzerland, New Zealand, Australia, Canada, Japan, Norway, European Commission, United States and Hong Kong from 10-14 March 2008 in Geneva. Malaysia's delegation comprised officials from International Trade and Industry Ministry and representatives from Finance Ministry, Science Technology and Innovation Ministry, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Natural Resources and Environment Ministry, Higher Education Ministry, Education Ministry, Health Ministry, the Attorney-General's Office, CIDB and Board of Engineers.

The meetings were held to enable the countries to have an indication of Malaysia's Revised Offer in the services sectors as the information would help them prepare for the Signalling Conference and Green Room Meeting to be held around middle this year. There has been a move by developed countries to have a Ministerial Signaling Conference for services during which developing



Bilateral meeting for WTO services in Geneva

countries indicate what their intentions are regarding revised services offers.

Besides sector specific requests, all 9 countries want Malaysia to bind current levels of commitments to ensure predictability to investors. Malaysia reiterated throughout the meetings that it is supportive of the signaling exercise but does not want a linkage between market access in Services with Agriculture and NAMA. On the issue of binding existing level of market access, Malaysia informed that policy space is required to develop the services industry and will improve its offers and commitments based on progressive liberalisation. New and improved offers will only be put forward subject to Cabinet approval.

The 6th Malaysian Construction Sector Review and Outlook Seminar

The 6th Malaysian Construction Sector Review and Outlook Seminar is an annual event providing pertinent information on Malaysian Construction Industry. To be held on August 26 at the Plenary Theatre Auditorium, Kuala Lumpur Convention Centre, it would highlight available construction opportunities and progress of projects undertaken to-date. Topics will be presented in papers while issues discussed in a forum hosted by a panel of eminent and experienced individuals and speakers. Participants will benefit from forum discussions deliberating on 'Achieving the 9th Malaysia Plan Amidst Current Issues and Challenges' and gain from the decisions, strategic business planning insights and significant level of value-adding in relevant knowledge areas. Based on previous experience hosting such event, this Seminar is a good platform for knowledge-sharing and exchange of views among construction companies and related professional services providers.

International conference on Modern Legal Drafting

An international conference on Modern Legal Drafting was recently held on July 22 at the Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur and July 24 at the Equatorial Hotel, Penang. Officiated by Deputy Minister of Works, Dato' Yong Khoo Seng, the international conference was organised by CIDB Malaysia with the support of 18 local and international organisations based in Malaysia, Singapore, Canada, and Australia.

Speakers included several top world authorities on modern legal drafting such as renowned award-winning judge Mark Painter who is among the most published judges in the US, Australian professor Peter Butt who specialised in both land law and modern legal drafting and English language professor Dr Robert Eagleson

who was the Commissioner-in-Charge of the Victorian Law Reform Commission, reference Plain English and Legislation.

Speakers from Malaysia included former High Court Judge of Malaya and Borneo Datuk Syed Ahmad Iddid who is well-known for his writings calling for reforms, lawyer Tan Swee Im who specialised in construction and chairperson of the proposed new Malaysian Design and Build Construction Contract drafting committee, and surveyor Noushad Ali Naseem who was partly instrumental in mooted the idea for the conference and introducing modern plain language construction contracts in Malaysia through the CICC Model Terms of Construction Contract for Subcontract Work published by CIDB in 2006.



Prosedur mengimport besi bulat (steel bars)

Disediakan oleh: Unit Ekonomi, Sektor Pembangunan Persekitaran Bisnes Binaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia

Program latihan **pengurusan** untuk kontraktor

Dalam usaha meningkatkan kompetensi kontraktor, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan melaksanakan beberapa program latihan pengurusan.

Ia termasuk Latihan Pengurusan Teknikal Kontraktor Bidang Kepakaran/Pengkhususan, Latihan Pengurusan Kerja-karya Tred Kontraktor dan Latihan Pengurusan Bisnes Kontraktor.

Program ini juga adalah sebahagian daripada proses mengenal pasti kompetensi kontraktor mengikut Standard Kompetensi Kontraktor dan Course of Study (silabus) yang dibangunkan bersama oleh pihak industri.

A. Latihan Pengurusan Teknikal Kontraktor Bidang Kepakaran/Pengkhususan

Latihan ini terbuka kepada kontraktor Gred G1 hingga G7. Sijil Kecekapan Pengurusan Teknikal dan 16 Mata CCD diberikan kepada peserta yang berjaya.

Kontraktor boleh memilih untuk menyertai kursus dalam mana-mana bidang kepakaran seperti berikut :

1. Struktur Marin
2. Sistem Bekalan Air
3. Sistem Perlindungan Cerun
4. Kerja Penyiasatan & Penstabilan Tanah
5. Kerja Tanah
6. Sistem Penyaman & Pengedaran Udara
7. Sistem Automasi Bangunan
8. Sistem Pencegah & Perlindungan Kebakaran
9. Sistem Keselamatan Bangunan
10. Kerja Pembaikan Konkrit
11. Kerja Cerucuk
12. Kerja Kaca
13. Kerja Bangunan – Perumahan
14. Kerja Bangunan – Institusi Pendidikan

15. Kerja Bangunan – Hospital
16. Kerja Bangunan – Perniagaan
17. Kerja Bangunan – Industri
18. Kerja Bangunan – Pengubahsuaian
19. Pengurusan Fasiliti, Penyelenggaraan Bangunan & Persekitaran Kompleks

Latihan dan penilaian bagi setiap bidang akan dijalankan berdasarkan Pakej Pembelajaran, iaitu:

1. Pemerolehan Peralatan dan Bahan
2. Pemerolehan Loji dan Jentera
3. Tugasan Kerja
4. Pengurusan Tapak
5. Sijil Penyiapan Praktikal
6. Servis dan Penyelenggaraan
7. Jadual Kerja
8. Penganggaran dan Tender Projek

Tempoh kursus ialah lima hari. Yuran ialah RM170 bagi setiap peserta.

B. Latihan Pengurusan Kerja-karya Tred Kontraktor

Latihan ini dikhaskan kepada kontraktor yang melaksanakan kerja tred di dalam Gred G1 hingga G3 sahaja.

Sijil Kecekapan Pengurusan Kerja-karya Tred dan 16 Mata CCD akan diberikan kepada peserta yang berjaya.

Kontraktor boleh memilih untuk menyertai kursus dalam mana-mana bidang seperti berikut:

1. Mansonry Works, Penerapan Bata & Pelepaan
2. Penjubinan
3. Pembengkokan Besi
4. Perpaipan – Bangunan & Sanitari, Retikulasi Air
5. Perpaipan–Pembetulan (Sewerage)
6. Pemasangan Siling & Plasterboard
7. Pemasangan Drywall & Dinding Sesekat

8. Pemasangan Struktur Keluli
9. Pertukangan Besi dan Logam
10. Pemasangan Lapisan Pelindung Kalis Air & Pembaikan Konkrit
11. Pemasangan Struktur IBS – Precast Panel- Precast Column & Beam
12. Pembinaan Sistem Saliran Permukaan & Bawah Tanah
13. Pembinaan Landskap & Padang Permainan
14. Pembinaan Pavement dan Hardstand

Kandungan kursus, tempoh kursus serta yuran adalah sama dengan Latihan Pengurusan Teknikal Kontraktor Bidang Kepakaran/Pengkhususan.

C. Latihan Pengurusan Bisnes Kontraktor

Latihan ini sesuai bagi kontraktor yang mahu menambah pengetahuan dalam aspek pengurusan bisnes bagi membantu menguruskan perniagaan dengan lebih teratur. Kursus ini tidak menjurus kepada mana-mana bidang pembinaan secara spesifik. Ia terbuka kepada kontraktor Gred G1 hingga G7. Sijil Kecekapan Pengurusan Bisnes dan 16 Mata CCD akan diberikan kepada peserta yang berjaya.

Latihan dan penilaian bagi setiap bidang akan dijalankan berdasarkan pakej pembelajaran seperti berikut :

1. Jaringan Perniagaan
2. Pengurusan Sumber Manusia
3. Perakaunan Projek
4. Sumber Dana dan Pembiayaan Projek
5. Peruntukan Perundangan

Latihan adalah empat hari. Yuran bagi setiap peserta ialah RM150.

Besi bulat (steel bars) high tensile deformed bar dan mild steel round bar adalah produk yang dikawal harga sejak 7 April 1989. Kenaikan mendadak harga besi lusuh (scrap) di pasaran telah melonjakkan harga besi bulat dengan tinggi di pasaran tempatan hingga memberi kesan negatif terhadap kontraktor yang sedang melaksanakan projek. Bagi membantu kontraktor mendapatkan sumber bekalan dari luar, kerajaan telah meliberalisasikan pasaran besi bulat kegunaan sektor pembinaan mulai 12 Mei 2008 dengan cara:

- memansuhkan harga kawalan
- memberi pengecualian duti dan AP import (tertakluk kepada produk mematuhi standard kualiti MS 146).

Terdapat 12 jenis besi bulat di bawah kepala Kod Tarif Kastam 2714 dan 7 jenis lagi di bawah kepala 2715 menjadikan 19 jenis (line tarif kod). Hanya dua jenis besi bulat yang diberikan pengecualian duti dan AP import, iaitu:

- Sub-kepala Kod Tarif Kastam 7214.20-910 (round : other) - besi bulat berbunga (deformed) mengandungi 0.6 peratus karbon dan kurang, berkuatkuasa 12 Mei 2008.
- Sub-kepala Kod Tarif Kastam 7214.10-910 (other : round) - besi bulat licin (plain) mengandungi karbon 0.6 peratus dan kurang, berkuatkuasa 9 Julai 2008.

Pengimportan dua jenis steel bars di bawah sub-kepala kod tersebut sahaja yang telah diliberalisasikan dengan dikecualikan membayar duti import (MFN : 15 peratus dan CEPT : 5 peratus) dan tidak perlu AP dengan syarat produk tersebut mematuhi standard kualiti MS 146. Produk besi bulat standard MS 146 mengandungi karbon tidak melebihi 0.3 peratus (mild steel : kandungan karbonnya kurang 0.25 peratus dan high tensile : kandungan karbonnya di antara 0.25 peratus - 0.3 peratus). Kedua-dua jenis ini adalah besi bulat yang dahulunya dikawal harga. Dengan itu, boleh dikatakan kebanyakan steel bars yang digunakan dalam kerja pembinaan telah dimasukkan dalam produk yang telah diliberalisasikan.

Panduan Mengimport

Banyak kekeliruan berlaku apabila kerajaan mengumumkan langkah meliberalisasikan steel bars kegunaan sektor pembinaan. Terdapat 12 jenis besi bulat di bawah kepala Kod Tarif Kastam 7214 (steel bars) dan 7 jenis lagi di bawah kepala Kod 7215 (other steel bars) menjadikannya 19 jenis. Hanya dua jenis steel bars yang tersebut di atas diberikan pengecualian duti import dan AP. Manakala 17 jenis steel bars lain di bawah kepala kod yang disebutkan, masih tertakluk kepada duti dan syarat import yang berkuatkuasa. Kekeliruan bukan sahaja berlaku di kalangan bakal pengimport, malah pegawai kastam di pintu masuk negara. Satu perbincangan dengan pihak berkuasa (Kastam Diraja Malaysia dan MITI, Jabatan Standard Malaysia, SIRIM, IKRAM dan CIDB) berhubung prosedur mengimport steel bars yang diliberalisasikan, telah diadakan.

Persetujuan bersama telah dicapai mengenai prosedur pengimportan yang akan dikuatkuasakan oleh Kastam Diraja Malaysia seperti berikut :

- Setiap pengimport dikehendaki mengemukakan Sijil Pengesahan Kualiti Produk daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM) atau IKRAM QA Service Sdn Bhd (IKRAM). Pengimport yang tidak atau gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Kualiti Produk daripada SIRIM atau IKRAM terpaksa membayar duti dan mematuhi syarat import yang berkuatkuasa.

Pengimport perlu membuat permohonan rasmi kepada pihak SIRIM atau IKRAM untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Kualiti Produk. Ketika ini, hanya dua badan ini diiktirafkan kerajaan untuk mengeluarkan Sijil Pengesahan Kualiti Produk.

- Pihak SIRIM atau IKRAM akan mengambil sampel steel bars yang diimport secara rawak (random) dan menjalankan ujian mengikut protokol standard yang diamalkan bagi menentukan spesifikasi produk mengikut standard MS 146. Mengikut pihak SIRIM dan IKRAM, istilah standard 'equivalent' MS 146 tidak digunakan dalam membuat perbandingan standard kualiti produk. Hanya istilah mematuhi (compliance)

kepada standard MS 146 boleh digunakan. Dengan itu bagi memberikan pengesahan pemantauan standard kualiti yang diperlukan, pihak berkenaan perlu menjalankan ujian fizikal ke atas produk berkenaan, bukannya berdasarkan sijil standard kualiti antarabangsa tertentu. Jika ada pengimport mendakwa produk yang diimport mengikut standard kualiti antarabangsa yang lebih tinggi atau lebih baik berbanding MS 146, sudah pasti produk berkenaan mudah melepasi dan memenuhi ujian standard MS 146. Tempoh masa yang diambil SIRIM atau IKRAM bagi mengeluarkan Sijil Pengesahan kualiti produk adalah di antara dua minggu hingga tiga minggu, bergantung kepada kuantiti diimport dan status kualiti produk tersebut. Bagi produk yang sudah mempunyai Sijil Pengesahan Standard Antarabangsa tertentu, tempoh pengeluaran sijil yang diambil adalah lebih singkat, iaitu kira-kira seminggu.

Pegawai Kastam Diraja Malaysia hanya perlu melihat keputusan pengesahan standard kualiti produk yang dinyatakan di dalam sijil yang dikeluarkan SIRIM atau IKRAM. Jika catatan rasmi menyatakan produk berkenaan mematuhi standard kualiti MS 146, Kastam Diraja Malaysia akan melepaskan produk tanpa dikenakan duti. Jika catatan sebaliknya, Kastam Diraja Malaysia akan mengenakan duti import 15 peratus atau 5 peratus mengikut mana berkenaan.

Pengimport hendaklah memastikan steel bars diistiharkan dalam sub-kepala kod tarif Kastam Diraja Malaysia yang tepat/betul kerana setiap sub-kepala kod tarif Kastam Diraja Malaysia mengandungi kadar duti dan syarat import tersendiri.

Pertanyaan berhubung permohonan Sijil Pengesahan Kualiti Produk boleh diajukan kepada:

Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
No.Tel:03-5544 6400
E-mail : qas_marketing@sirim.my
atau
Pengarah Urusan
IKRAM QA Services Sdn. Bhd.
No.Tel:03-8738 3388

(lihat Carta Prosedur di muka 13)



Kod Etika Kontraktor mengandungi 36 klausa yang dikategorikan dalam enam prinsip utama:

- Prinsip 1: Jujur Melaksanakan Tanggungjawab
- Prinsip 2: Pemuatan Peraturan dan Undang-undang
- Prinsip 3: Penghormatan kepada Individu dan Masyarakat
- Prinsip 4: Kepentingan Kualiti, Kemahiran dan Piawaian
- Prinsip 5: Kepentingan Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan
- Prinsip 6: Kepentingan Pemeliharaan Alam Sekitar

Pelancaran Kod Etika Kontraktor:

Sejarah tersendiri kepada industri pembinaan

Tarikh 1 Julai 2008 melakar sejarah tersendiri kepada industri pembinaan negara apabila Kod Etika Kontraktor dilancarkan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Ir Mohd Zin bin Mohamed. Majlis gilang gemilang yang dihadiri hampir seribu peserta itu diadakan di Dewan Auditorium, Institut Integriti Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Dalam ucapan perasmian, YB Dato' Ir Mohd Zin menekankan bahawa pengukuhan integriti dan pembangunan patut berjalan seiring dalam usaha memajukan negara. Justeru, beliau mengalu-alukan pewujudan Kod Etika Kontraktor sebagai satu langkah meningkatkan imej kontraktor.

Kod Etika Kontraktor ini adalah satu set garis panduan mengandungi etika dan amalan murni yang diterima pakai kontraktor pembinaan sebagai amalan piawaian dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ia dibangunkan hasil kerjasama setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkepentingan dalam industri pembinaan.

Pelancaran Kod Etika Kontraktor adalah satu daripada usaha meningkatkan tahap profesionalisme, integriti dan akauntabiliti kontraktor. Pemuatan terhadap kod etika ini pula akan membudayakan kaedah pengawalseliaan sendiri (self-regulatory) di kalangan kontraktor, sekali gus dapat meninggikan keyakinan masyarakat terhadap kredibiliti mereka.

Majlis pelancaran Kod Etika Kontraktor kemudiannya diteruskan dengan Seminar Etika dan Integriti Kontraktor Industri



Pembinaan 2008. Pembentangan seminar ini meliputi pandangan dan pemikiran daripada pihak berkepentingan dalam industri pembinaan berhubung aspek etika dan integriti.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia), Tan Sri Dato' Ir Jamilul Hussein membentangkan kertas kerja menyentuh fungsi organisasi itu sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan integriti industri pembinaan.

Ahli Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Hj Ar Mohd Nazam Md Kassim pula berkongsi pengalaman profesional arkitek dalam amalan beretika membabitkan rantaian kerja pembinaan serta kesan negatif

amalan tidak beretika.

Sementara itu, kertas kerja oleh Naib Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Dato' Che Wan Mohd Khalid Mohammad menjadi pembentangan paling dinantikan majoriti peserta terdiri daripada kontraktor. Pembentangan beliau yang mendapat tepukan gemuruh peserta, menyentuh secara mendalam isu dan cabaran kontraktor dalam mengekalkan budaya kerja beretika di sesuatu projek pembinaan.

Kehadiran hampir seribu peserta ke majlis pelancaran Kod Etika Kontraktor dan Seminar Etika dan Integriti Kontraktor Industri Pembinaan 2008 menggambarkan minat dan komitmen mereka dalam aspek pengukuhan integriti serta amalan murni.

Way forward for the construction industry

The Malaysian Construction Industry Master Plan (CIMP) was launched in December 2007, the paving the way for the industry's transformation to be among the best in the world. Implementation plans and strategies requiring step change in mindset and culture have been mooted calling for drastic change in the way the industry have been operating in the last two or three decades.

Foremost is the urgent need to bring together all the players along the supply chain to collaborate in delivering cost effective solutions to the customers. For too long now the construction industry customers have been left in the lurch whose voices matter very little in determining the quality and cost of the final products. That is about to change. One of the major strategy of the master plan calls for the continuous education of the construction end users and consumers to bring them up the knowledge chain to be consumers par excellence. These are consumers who can influence the outcome of the industry output and who perfectly understand their rights and who desire to derive significant value from their investment in construction products and services.

The CIMP plan has identified a number of initiative to bring the consumers up to date on a wide range of construction issues. Through a well structured and customer-centric information portals, customer will have, for the first time, unimpeded access to multitude of data and information that would enable them to make faster and more intelligent decision on a number of important issues. This construction industry portal is expected to go online early next year.

The master plan has also recognized the need to enhance quality in the final output of construction products and services. In following the success of quality initiatives in the other industry, notably manufacturing, construction quality management will be a continuous process beginning from a well defined development planning and high quality and buildable designs. These will be complemented by continuous improvement to the construction process, use of quality products and materials and deriving quality workmanship from highly educated construction workforce.

Initiatives in the master plan dealing with ensuring quality designs and quality products, skill upgrading for the construction workforce and adopting new construction technique and technologies are all targeted towards sustaining quality in Malaysia's built environment.

Similarly, the importance of safety and health and environmental sustainability are all top end agenda in the construction industry master plan. Working together with the Department of Safety and Health, Ministry of Environment, Ministry of Housing and Local Government and other related agencies, CIDB, in collaboration with the industry, have formulated a number of initiatives and credible programs aimed at making the construction sites safer by reducing the number of accidents and fatalities at construction sites. At the same time, initiatives and regulatory framework have also been proposed to balance the need for economic and social development with the need to protect the natural environment for the benefit of future generation.

The success on the industry's transformation will also be gauged by its continued growth, sustainability and its wealth generation capabilities. It is estimated that by 2015, the industry would have contributed a more significant 3.5% of the GDP from its current 3.0%.

The need to sustain the industry growth is addressed in one of the strategic thrust of CIMP, ST7 which is to benefit from globalization including the export of construction products and services.


Some of the initiatives to be taken in ensuring the industry's sustainability include convincing the government to continue developing economic and social infrastructure to pump up domestic demands. On the overseas front, Malaysia is expected to gain significantly from Government to government (G2G)

arrangement to secure viable projects.

Of course there are other programs and initiatives to enhance both domestic and overseas demand for construction. Giving renewed importance to asset and facility maintenance and refurbishment would positively contribute to health of construction sectors. Similarly the infrastructure and facilities needed for the economic corridors will no doubt go a long way to sustain the construction industry and move it to higher productivity into the next Malaysia development plan.

For the construction industry to thrive and prosper, it must be strongly supported by an equally vibrant and performing complementary industries. The building and construction materials, machinery and equipment and finishing products industry must not only exist alongside the construction industry, it must also be competitive enough to provide the necessary support to the construction industry. Key then will be the proper and structured development of these complementary industries.


These are indeed exciting times in the construction industry. With the CIMP in place pushing a national agenda for the industry transformation, it is hoped that the industry which has, for a long time, been considered as dirty, dangerous and difficult will, in the future, be one of the best industries industry providing some of the best built environment in the world.



Kenaikan harga bahan binaan


Sejak mutakhir ini, kenaikan berterusan harga bahan binaan membimbangkan kontraktor kerana ia memberi kesan terhadap keupayaan aliran tunai dan daya maju kerja. Ia sekali gus menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek.

Trend kenaikan ini sebenarnya bermula seawal 2006. Sepanjang 2007, kebanyakan harga bahan binaan mengalami kenaikan di antara dua peratus dan 42 peratus. Trend ini berlarutan sehingga setengah tahun pertama 2008. Secara keseluruhannya, kebanyakan harga bahan binaan sehingga pertengahan 2008, mengalami kenaikan marginal. Peningkatan ketara ialah pada Jun 2008 (rujuk Rajah 1 – Harga Purata Bahan Binaan Asas pada Januari 2008 hingga Jun 2008).




Rajah 1 : Harga Purata Bahan Binaan Asas pada Januari hingga Jun 2008

Pemerhatian terhadap harga pada Jun 2008 di Semenanjung Malaysia menunjukkan *ready mix concrete* meningkat 29.3 peratus, simen (23.3 peratus) dan batu bata (di antara 13 peratus dan 19 peratus). Bahan lain adalah stabil. (Rujuk Rajah 2 – Harga Purata Bahan Binaan di Semenanjung pada Januari hingga Jun 2008).



Rajah 2 : Harga Purata Bahan Binaan di Semenanjung Malaysia pada Januari 2008 hingga Jun 2008


Harga bahan binaan asas di Sabah secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan tinggi dengan harga pasir meningkat 33.8 peratus, *mild steel round bar* (24 peratus), *aggregate* (22.4 peratus), *high tensile deformed bar* (22.2 peratus), *ready mix concrete* (20.5 peratus), simen (6.5 peratus) (Rujuk Rajah 3 – Harga Purata Bahan Binaan di Sabah pada Januari 2008 hingga Jun 2008).



Rajah 3 – Harga Purata Bahan Binaan di Sabah pada Januari hingga Jun 2008

Tren sama turut berlaku di Sarawak. Semua harga bahan binaan mengalami kenaikan, iaitu di antara 3.6 peratus dan 28.5 peratus. Bahan *aggregate* mengalami kenaikan harga tertinggi pada Jun 2008, iaitu 33.5 peratus, diikuti bahan berasaskan besi *mild steel round bar* (28.5 peratus), *high tensile deformed bar* (24.8 peratus) dan pasir (19.4 peratus). Bahan lain seperti *ready mix concrete*, batu

bata merah, simen dan batu bata pasir mengalami kenaikan, iaitu masing-masing 15.9 peratus, 10.0 peratus, 5.2 peratus dan 3.6 peratus. (Rujuk Rajah 4 – Harga Purata Bahan Binaan di Sarawak pada Januari 2008 hingga Jun 2008).




Rajah 4 – Harga Purata Bahan di Sabah pada Januari 2008 hingga Jun 2008

Besi Keluli Bulat

Di seluruh Malaysia, besi keluli bulat (*mild steel round bar* dan *high tensile deformed bar*) mengalami kenaikan berterusan bagi tempoh Januari 2008 hingga Jun 2008. Kenaikan harga besi bulat ini disebabkan peningkatan pantas kos bahan mentah dan bahan sampingan (sub-material) seperti harga besi lusuh di pasaran antarabangsa, elektrod, minyak dan elektrik serta kos penghantaran. (Sila rujuk Rajah 5 – Tren Harga Besi Lusuh Antarabangsa (No. 1HMS) Januari 2005 – April 2008 (USD/Tan). Pemansuhan harga kawalan dan liberalisasi besi keluli berkuatkuasa mulai 12 Mei 2008 turut mendorong peningkatan harga bahan ini apabila pengilang bebas menentukan harga pasaran.

Harga besi lusuh di pasaran berada pada USD740 hingga USD745 (RM2,390.20 – RM2,406.35) per tan. Berdasarkan pengiraan harga menggunakan formula APM, harga transaksi besi keluli bulat akan berada sekitar RM4,000.00 per tan dalam masa terdekat.



Rajah 5 – Tren Harga Besi Lusuh Antarabangsa (No. 1HMS) Januari 2005 – April 2008 (USD/Tan)


Simen

Harga kawalan simen telah dimansuhkan berkuatkuasa 5 Jun 2008 dan pada masa yang sama duti import dikurangkan sebanyak 80 peratus daripada 50 peratus kepada 10 peratus bagi negara bukan ASEAN dan kekal 5 peratus bagi negara ASEAN. Pengimport simen di Sabah dan Sarawak pula dikecualikan daripada memperoleh lesen import.

Sejak pemansuhan harga kawalan simen berkuatkuasa, kenaikan harga simen berlaku di seluruh negara pada Jun 2008, iaitu 23.3 peratus di Semenanjung Malaysia, manakala Sabah (6.5 peratus) dan Sarawak (5.2 peratus). Kenaikan rendah di Sabah dan Sarawak mungkin disebabkan harga yang sedia tinggi dan kebanyakan bekalan diperolehi dari import. Kenaikan harga bahan simen selepas pemansuhan harga siling ini sudah dijangkakan disebabkan pihak pengeluar meminta kenaikan harga 10 peratus selepas semakan harga terakhir pada Disember 2006. Langkah liberalisasi simen dan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) pada peringkat akhir, dijangkakan menstabilkan harga simen pada masa depan.

Isu kenaikan harga bahan binaan adalah fenomena biasa dalam semua sektor ekonomi. Kenaikan kos input, inflasi dan lonjakan permintaan, terutama permintaan bermusim, adalah faktor sukar dikawal dan dijangka. Peningkatan produktiviti pengilang, kecekapan pengurusan projek dan penggunaan bahan binaan alternatif boleh mengurangkan kesan kenaikan harga di samping pelaksanaan projek secara lebih teratur bagi mengelak ia dilaksanakan serentak.

Di samping itu, kajian kaedah pembayaran VOP baru ke atas besi keluli bulat dapat menangani kesan kenaikan harga bahan ini. Kontraktor pula seharusnya lebih bijak dan kreatif dalam menghargai tender atau sebhutharga bagi kerja yang melibatkan tempoh pelaksanaan panjang supaya lebih berdaya tahan.



CIDB membantu syarikat pembinaan Malaysia

Oleh Mohd Zaid Zakaria, Bahagian Antarabangsa, CIDB Malaysia

Sejak sekian lama, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membantu syarikat Malaysia yang terbabit dalam industri pembinaan dan berkaitan dengannya

Berikut ialah antara kaedah yang digunakan CIDB bagi melaksanakan fungsi ini:

- * Promosi
- * Kajian pasaran
- * Memudahcara
- * Kordinasi projek
- * Peningkatan kemampuan
- * Khidmat nasihat

CIDB telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk mempromosi pemain industri tempatan untuk memperkenalkan mereka di persada anatarabangsa. Selain dari taklimat yang diadakan kepada pemunya projek, CIDB juga telah menyediakan penerbitan seperti Going Global dan Direktori untuk memberitahu dunia mengenai kejayaan Malaysia dalam bidang pembinaan. Promosi ini juga merangkumi bagaimana syarikat Malaysia mampu melaksanakan cadangan projek dengan menyediakan perkhidmatan yang bersepadu dan menyeluruh, sekiranya perlu, bermula dengan perancangan, penyediaan kajian kemungkinan, cadangan pembiayaan, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan asset dan fasiliti. Kajian model perniagaan ini telah disaksikan oleh banyak pemaju projek di luar negara.

CIDB juga menyediakan pelbagai laporan bagi memudahkan pemain industri mendapatkan risikan dan kajian pasaran untuk negara tertentu. Wilayah utama disasarkan CIDB untuk pemain industri meluaskan pembabitan perniagaan mereka ialah:

- * Timur Tengah
- * Benua Asia Selatan
- * Asean
- * Afrika


Tujuh belas Laporan Negara telah disediakan, manakala enam lagi akan diterbitkan menjelang akhir 2008. Kesemua penerbitan ini diedarkan percuma kepada syarikat berdaftar dengan Bahagian Antarabangsa, CIDB.

CIDB juga sentiasa di hadapan dalam

mengintai peluang kerjasama dengan kerajaan negara asing. Kerjasama dalam bidang pembinaan dan berkaitan akan dimulakan dengan perbincangan di antara pemimpin kerajaan peringkat tertinggi ketika mesyuarat rasmi. Ia disusuli perbincangan peringkat pegawai mengenai kerjasama am ini. Bagi sesetengah negara, projek tertentu akan dikenal pasti bagi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan membenarkan kerajaan Malaysia menerusi agensi pelaksana yang dilantik, biasanya CIDB, untuk menerajui inisiatif ini. Pada akhir tempoh masa yang dibenarkan, satu laporan kajian kemungkinan akan dikemukakan kepada kerajaan asing ini untuk pertimbangan. Seterusnya, pelaksanaan boleh dimeterai dengan persetujuan kedua-dua pihak, tertakluk kepada syarat yang akan dibincangkan secara terperinci.

Carta dan jadual di bawah menunjukkan pembabitan syarikat pembinaan Malaysia di luar negara.

Selain itu, CIDB sentiasa memainkan peranan proaktif dalam memudahcara syarikat Malaysia bagi memastikan inisiatif mereka dalam hal ini tercapai. CIDB sentiasa menerima permintaan pelawat dan ahli perniagaan luar negara untuk bertemu syarikat Malaysia. Dalam hal ini, CIDB akan mengatur pertemuan syarikat Malaysia



Projek luar negara yang diperolehi syarikat pembinaan Malaysia

dengan pelawat dari luar negara untuk mengadakan sesi perkongsian maklumat dalam peluang perniagaan di negara yang spesifik. Seminar yang lebih besar juga akan dianjurkan CIDB untuk menyebarkan maklumat peluang perniagaan kepada syarikat tempatan.

Bersama dengan Matrade khasnya serta kementerian dan agensi kerajaan lain, CIDB dari semasa ke semasa mengadakan misi perniagaan dan pelaburan ke luar negara. Misi spesifik untuk sektor pembinaan juga diadakan ke negara spesifik. CIDB turut memudahcara syarikat yang berminat turut serta dalam pameran pembinaan peringkat antarabangsa.

Sebuah pangkalan data bersepadu mengandungi maklumat lengkap projek yang dilaksanakan di luar negara juga diwujudkan di CIDB. Dari pangkalan data, pelbagai maklumat bernilai dapat dihasilkan untuk kegunaan analisis pasaran dan kemampuan syarikat tempatan. Pangkalan data ini juga digunakan untuk mengkoordinasi projek luar negara bagi tujuan pemantauan dan perancangan strategik CIDB dalam melaksanakan fungsi ini.

Bagi memastikan lebih ramai berminat mencebur diri ke luar negara, CIDB juga melaksanakan program kesedaran (awareness) serta peningkatan kemampuan (increasing capability) syarikat. Menerusi taklimat kesedaran yang bukan saja diadakan di dalam dan luar Lembah Kelang, syarikat tempatan dimaklumkan mengenai peluang perniagaan berkaitan dengan industri pembinaan di luar negara. Jika mereka berminat melebarkan perniagaan ke luar negara, pelbagai cadangan akan disarankan bagi memastikan mereka meningkatkan kemampuan untuk bersaing di luar negara.

CIDB juga menyediakan khidmat nasihat kepada semua pihak, termasuk syarikat Malaysia bagi mengatur strategi ke luar negara. Malah lebih penting lagi, CIDB

Wilayah	Bil Projek	Nilai Projek (RM juta)
Asean	172	4,181
Timur Tengah	36	5,657
Afrika	32	5,136
Benua Asia Selatan	70	9,033
Lain-Lain	56	5,219
Jumlah	366	29,226

Bilangan projek yang telah disiapkan syarikat pembinaan Malaysia

	Bil	Nilai (RM juta)
Projek yang telah disiapkan	366	29,230
Projek yang sedang dilaksanakan	81	52,653
Jumlah	447	81,883
Bil syarikat pembinaan terlibat		97
Bil negara		43

Bilangan projek dan nilai yang dilaksanakan syarikat pembinaan Malaysia di luar negara


sentiasa bersedia membantu kerajaan meningkatkan pembabitan syarikat Malaysia dalam sektor ini di luar negara. Kerjasama erat dengan pelbagai kementerian lain dan Wisma Putra umpamanya, banyak membantu CIDB bagi membolehkan syarikat Malaysia memudahkan pembabitan mereka di negara yang disasari.

Selain program spesifik di atas, CIDB juga bekerjasama dengan Exim Bank Malaysia dalam membantu syarikat mendapatkan dana kewangan bagi membiayai pelaksanaan projek mereka di luar negara. CIDB bersama Matrade sedang merangka skim penarafan syarikat bagi membolehkan penilaian permohonan pinjaman. Dalam konteks sama, CIDB juga adalah satu daripada ahli Jawatankuasa Penilai Dana Khidmat Eksport (SEF) yang diuruskan Matrade. Kerajaan meluluskan dana RM120 juta bagi tujuan ini. Syarikat Malaysia yang bercadang meluaskan perniagaan mereka keluar negara boleh memohon bantuan geran SEF bagi menjalankan antara lain, kajian kemungkinan projek di luar negara dengan mendapatkan sokongan CIDB sebagai penaja projek.

Dari muka 7

Prosedur mengimport besi bulat (steel bars)

PROSEDUR MENGIMPORT BESI BULAT (STEEL BARS)
DI BAWAH SUB KEPALA TARIF KASTAM 7214.10.910 DAN 7215.20.910



Nota : Proses pengeluaran Sijil Pengesahan Kualiti mengambil masa satu (1) hingga tiga (3) minggu.



Program Latihan & Akreditasi Penyelia Tapak Binaan

• PENGENALAN

Kualiti merupakan salah satu di antara pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Industri Pembinaan Malaysia. Kegagalan mematuhi standard yang ditetapkan, kelemahan dari segi rekabentuk dan mutu kerja yang rendah adalah di antara faktor utama yang menyebabkan kualiti pembinaan berada di tahap yang rendah.

CIDB menyedari keperluan untuk mempertingkatkan kualiti bagi keseluruhan industri ini. Bagi memenuhi matlamat ini dan seperti yang digariskan di bawah Akta 520 CIDB, salah satu fungsi CIDB adalah untuk mengakreditasi Penyelia Tapak Binaan. Justeru itu, CIDB telah mengambil langkah untuk membangunkan program latihan dan akreditasi yang menyeluruh bagi para Penyelia Tapak yang bertanggungjawab untuk mempertingkatkan pengetahuan dan sikap profesionalisme mereka serta memastikan pencapaian objektif utama iaitu mempertingkatkan kualiti dalam pembinaan berjaya.

• OBJEKTIF

- Mempertingkatkan kualiti kerja di tapak binaan melalui penyeliaan oleh Penyelia Tapak yang berkekeluargaan.
- Memastikan agar Penyelia Tapak menepati Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan oleh industri.
- Mengiktiraf dan mempertingkatkan kerjaya Penyelia Tapak.
- Menyediakan satu platform mekanisme yang ber sistematik bagi mengakreditasi Penyelia Tapak.

• MODUL LATIHAN

- Struktur modul ini telah dirancang untuk memenuhi keperluan akreditasi berasaskan kepada 4 kategori pembinaan. Kategori tersebut adalah:-
 - a) Kerja Awam & Struktur
 - b) Kerja Bangunan & Senibina
 - c) Kerja Mekanikal
 - d) Kerja Elektrikal
- Para calon boleh memilih kategori yang mereka ingin dapatkan akreditasi dan dikehendaki menghadiri semua modul khusus yang dipilih bagi pentauliahan sebagai penyelia tapak binaan oleh CIDB.
- Modul-modul latihan ini dibangunkan berasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dirancang oleh pakar dalam industri pembinaan. Modul-modul latihan adalah seperti berikut:-

A. MODUL KHUSUS KERJA KERJA AWAM & STRUKTUR

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)	Jumlah	18 hari	RM900
1 & 2	Site Administration AND Health, Safety and Environment	3	150			
3	Project Supervision	3	150			
4	Engineering Survey, Drainage, Road & Pavement Works	3	150			
5	Geotechnical, Earthworks & Foundations	3	150			
6	Concrete Works, Steel Works & Timber Structures	3	150			
7 - 8	Pipelines, Water Supply & Sewerage System AND Water Retaining Structures & Associated Works	3	150			
				Jumlah	18 hari	RM900

B. MODUL KHUSUS KERJA BANGUNAN & SENIBINA

MODUL	TOPIK	BIL HARI	YURAN (RM)
1 & 2	Administration Works AND Preparation Works	3	150
3	Project Control	4	200
4	Project Resources	3	150
5 – 6	Roofing & Cladding Works AND Aluminum & Glazing Works	2	100
7	Finishing Works	3	150
8 – 9	8 & 9 Landscaping Works AND CPC & DIP	3	150
Jumlah			RM900

C. MODUL KHUSUS KERJA MEKANIKAL

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)
1	Preconstruction Activities and Resources Activities	3	150
2	Mechanical Works	4	200
3	Construction Reports for Mechanical Works	3	150
4	Site Administration for Mechanical Works	3	150
Jumlah		18 hari	RM650

D. MODUL KHUSUS KERJA ELEKTRIKAL

MODUL	TOPIK	BIL HARI	YURAN (RM)
1	Preconstruction Activities and Resources Activities	3	150
2	Electrical Works	4	200
3	Construction Reports for Electrical Works	3	150
4	Site Administration for Electrical Works	3	150
Jumlah		18 hari	RM650

• KAEDAH AKREDITASI

Terdapat 3 kaedah untuk diakreditasi dan para calon boleh memilih salah satu kaedah tersebut:-

I. KAEDAH LATIHAN DAN PENILAIAN

Calon dikehendaki untuk menghadiri modul latihan berdasarkan kepada pengkhususan tred masing-masing. Di akhir setiap sesi modul, calon dikehendaki untuk menduduki ujian penilaian bagi membolehkan calon diakredit sebagai Penyelia Tapak Bertauliah.

II. KAEDAH UJIAN AKREDITASI

Calon boleh terus menduduki ujian akreditasi berdasarkan kepada pengkhususan tred masing-masing tanpa perlu menjalani proses latihan. Calon yang gagal boleh menduduki semula ujian bagi modul yang gagal ataupun mengikuti Kaedah Latihan & Penilaian.

III. KAEDAH PENGIKTIRAFAN TAHAP PENDIDIKAN DAN PENGALAMAN

Memberi peluang kepada penyelia-penyelia tapak binaan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi ataupun mempunyai tempoh pengalaman penyeliaan projek pembinaan yang lama untuk diakredit sebagai Penyelia Tapak Bertauliah. Calon dikehendaki untuk melampirkan projek-projek yang telah diselesai dan pengalaman berdasarkan kepada tanggungjawab dan tugas sepanjang kerjaya beliau. Pengesahan majikan terkini dan akan bersumpah adalah diperlukan.

Setiap calon boleh memilih mana-mana kaedah pentauliahan penyelia tapak yang dikehendaki sekiranya calon berkenaan mencapai Tahap Kelayakan minimum yang ditetapkan. Tahap Kelayakan Pentauliahan Penyelia Tapak Binaan adalah seperti berikut:-

Tahap Pencapaian Akademik	Pengalaman Penyeliaan Projek	Kaedah Akreditasi	
Tiada Pendidikan Formal	> 15 tahun	I, II atau III	Kaedah I : Kaedah Latihan dan Penilaian
Pendidikan Sekolah Rendah Pendidikan Sekolah Menengah	> 10 tahun 7 – 10 tahun 5 – 7 tahun	I, II atau III I atau II I	Kaedah II : Kaedah Ujian Akreditasi
Sijil Politeknik Sijil Kemahiran Malaysia Sijil Kecekapan Kemahiran Sijil Teknikal	> 7 tahun 3 – 7 tahun	I, II atau III I atau II	Kaedah III : Kaedah Pengiktirafan Tahap Pendidikan dan Pengalaman
Diploma	> 5 tahun 2 – 5 tahun	I, II atau III I atau II	
Ijazah Sarjana PhD	> 3 tahun 2 – 3 tahun	I, II atau III I atau II	

• CALON YANG LAYAK MENYERTAI PROGRAM INI

- Para calon perlulah memiliki Kad Hitam. Calon yang belum memiliki Kad Hitam boleh memohon semasa mendaftar untuk kursus ini.
- Calon tanpa kelayakan akademik tetapi mempunyai minimum 15 tahun pengalaman kerja juga boleh menyertai program ini dengan menunjukkan bukti pengalaman kerja mereka samada melalui Surat Sokongan atau Surat Perakuan daripada majikan sekarang atau sebelumnya.

• YURAN KURSUS

- Yuran kursus **Kaedah I** adalah mengikut Modul Latihan A, B, C atau D yang dipilih. Yuran adalah meliputi nota latihan, makan dan minum tidak termasuk penginapan, manakala bagi **Kaedah II** dan **Kaedah III**, yuran kursus adalah sebanyak RM100.00.
- Pembayaran boleh dibuat secara tunai / kiriman wang / bank draf. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **'CIDB MALAYSIA'**.

• PERSUJUAN

Sijil Kecekapan Kemahiran akan diberikan kepada calon yang tamat dan lulus setiap modul dengan iajanya.

• PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

- Puan Siti Rahayu Yaakub (Tel: **03-2617 0381**, E-mel: **rahayu@cidb.gov.my**)
- Puan Nor Immas Ibrahim (Tel: **03-2617 0317**, E-mel: **immas@cidb.gov.my**)
- Puan Nanie Hassan (Tel: **03-2617 0319**, E-mel: **nanie@cidb.gov.my**)
- Faks ke **03-4044 8523**



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Bahagian Pembangunan Personel Binaan
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue, No. 72, Jalan Pahang
53000 KUALA LUMPUR



Flashback of ICW2007 events.



International Construction Week 2008

Venue : Kuala Lumpur Convention Centre
Date : 25 – 29 August 2008

ICW 2008: Main events:

The 6th Malaysian Construction Sector Review & Outlook Seminar

Being exposed to the rising costs and global economic uncertainties, how would the scenario and outlook for the construction sector be? Will the small contractors survive in this situation? If these scenarios are real challenges, how could we face them in the future? These are some of the key issues that will be discussed in 'The 6th Malaysian Construction Sector Review and Outlook Seminar' this year.

The International Construction Conference

The International Construction Conference (ICC) is an annual event organised in conjunction with the International Construction Week (ICW) and the Malaysian Building Exposition (MALBEX). The ICW is hosted by the Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia whilst the ICC is initiated and pioneered by The Chartered Institute Of Building Malaysia in 2002.

Infrastructure & Construction Business Conclave by Indian Ocean Rim Association for Regional Cooperation (IOR-ARC)

Theme: Strengthening Cooperation in the Construction Sector to Enhance Intra-Regional Growth

The Indian Ocean Rim - Association for Regional Cooperation (IOR-ARC), an international organization with 18 Member States, has been set up to focus on enhancing economic co-operation among countries of the Indian Ocean Rim. Towards this end, it aims to provide maximum opportunities to develop shared interests and reap mutual benefits as well as information exchanges on trade and investment regimes and opportunities to help expand intra-regional trade among countries in this regional grouping.

The 25th Malaysian International Building Exposition 2008 (MALBEX2008)

Now entering its 25th year, MALBEX 2008 will take place at the Kuala Lumpur Convention Centre from 26-29 August 2008. The show will feature the full spectrum of building products, technologies and services categorised in four key segments: building niche products, building construction materials, building systems/IT with construction machinery, systems, equipments and services. More than 14,000 building professionals are expected to attend this year's show.

Incoming Buyers Mission Programme for Construction Sector

In conjunction with the International Construction Week 2008, MATRADE is organising the Incoming Buying Mission (IBM) for building material, machinery and construction services at KL Convention Centre (KLCC) on August 26, 2008. The IBM programme is a one-day event where pre-arranged meetings (one-to-one business meeting) are organised for Malaysian companies with selected international buyers.

3RD Annual South East Asia Drymix Mortar Association (SEADMA) Conference 2008

The 3rd Annual SEADMA Conference 2008 and Industry Showcase intends to bring together the international community of drymix mortar experts with construction professionals of Malaysia and provides a platform for them to discuss current developments in formulation design, manufacture, and application, as well as long term performance, standardisation and environmental issues concerning drymix mortars.

International Construction Week 2008

Venue : Kuala Lumpur Convention Centre
Date : 25 – 29 August 2008

Strengthening Construction Capabilities
for Global Competitiveness

Date	Programme	Venue	Organiser	Officiating VIP	Contact Person
25 Aug 2008 (Mon)	Indian Ocean Rim Association for Regional Cooperation (IOR-ARC) Construction Opportunities Conclave	Impiana Hotel	CIDB		Mrs. Zainora Zainal
26 Aug 2008 (Tue)	Opening Ceremony International Construction Week (ICW) 2008	KLCC	CIDB	YB Minister Of Works	Mr. Sazali Che Amat 603-26170205(T) 603-40445808(F) sazali@cidb.gov.my
	10.00 am - 5.00 pm Seminar On Malaysian Construction Sector Review 2007/2008 and Outlook	KLCC	CIDB		Mrs. Nur Ima Zainol 603-26170314 (T) 603-40444597 (F) ima@cidb.gov.my
	9.00 am - 6.00 pm MALBEX 2008	KLCC	Reeds - CIDB		Ms Joanne Tan 603-76603766(T) 603-79581800(F) joanne.tan@reedsexpo.com.my
	9.00 am - 6.00 pm Incoming Buyers Mission (IBM)	KLCC	MATRADE		Mr. Ahmad Nasaruddin Mehd Noor 603-62077077 (T) 603-62037289 (F) nasaruddin@matrade.gov.my
27 Aug 2008 (Wed)	9.00 am - 5.00 pm 3 - Days International Construction Conference 2008 (ICC2008)	KLCC	CIOB - MBAM	Chairman CIDB	Ms Audrey Chan 603-62033754(T) 603-62033872(F) ciob@pd.jaring.my ciobm@streamyx.com
	9.00 am - 5.00 pm MALBEX 2008	KLCC	Reeds - CIDB		Ms Joanne Tan 603-76603766(T) 603-79581800(F) joanne.tan@reedsexpo.com.my
28 Aug 2008 (Thu)	9.00 am - 5.00 pm 3 - Days International Construction Conference 2008 (ICC2008)	KLCC	CIOB - MBAM - UiTM		Ms Audrey Chan 603-62033754(T) 603-62033872(F) ciob@pd.jaring.my ciobm@streamyx.com
	9.00 am - 5.00 pm 3rd Annual South East Asia Drymix Mortar Association (SAEDMA) Conference	KLCC	SEADMA		www.seadma.org
	MALBEX 2008	KLCC	Reeds - CIDB		Ms Joanne Tan 603-76603766(T) 603-79581800(F) joanne.tan@reedsexpo.com.my
29 Aug 2008 (Fri)	9.00 am - 5.00 pm 3 - Days International Construction Conference 2008 (ICC2008)	KLCC	CIOB - MBAM - UiTM		Ms Audrey Chan 603-62033754(T) 603-62033872(F) ciob@pd.jaring.my ciobm@streamyx.com
	9.00 am - 5.00 pm MALBEX 2008	KLCC	Reeds - CIDB		Ms Joanne Tan 603-76603766(T) 603-79581800(F) joanne.tan@reedsexpo.com.my